

27/06/2003

Hamidy pengarah baru

PENGURUSAN Danaharta Nasional Bhd (Danaharta) dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur semalam, menyatakan Datuk Abdul Hamidy Hafiz dilantik sebagai pengarah bukan eksekutifnya berkuat kuasa 1 Julai ini sehingga 31 Disember 2005 atau sehingga penutupan Danaharta.

Pelantikan itu dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan.

Pelantikan Abdul Hamidy bagi menggantikan Datuk Richard Ho Ung Hun, yang bersara daripada Lembaga Danaharta pada 1 Julai.